UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

# MESYUARAT
# JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-45

**Agenda 8 (a):**

## Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)

# LATAR BELAKANG



Penilaian risiko dibuat adalah berdasarkan **keperluan Standard** Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) **ISO 9001:2015 klausa 6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang**

**6 Perancangan**

**6.1 Tindakan menyatakan risiko dan peluang**

**6.1.1** Apabila merancang untuk sistem pengurusan kualiti, organisasi hendaklah mempertimbangkan isu yang disebutkan dalam 4.1 dan keperluan yang disebutkan dalam 4.2 dan menentukan risiko dan peluang yang perlu dinyatakan untuk:

a) memberi jaminan bahawa sistem pengurusan kualiti boleh mencapai hasil yang dimaksudkan;

b) meningkatkan kesan yang diingini;

c) mencegah, atau mengurangkan kesan yang tidak diingini;

d) mencapai penambahbaikan.

**6.1.2** Organisasi hendaklah merancang:

a) tindakan menyatakan risiko dan peluang;

b) cara untuk:

1) mengintegrasikan, dan melaksanakan tindakan itu ke dalam proses sistem pengurusan kualiti (lihat 4.4);

2) menilai keberkesanan tindakan ini.

Tindakan yang diambil untuk menyatakan risiko dan peluang hendaklah setimpal dengan kesan yang mungkin wujud terhadap keakuran produk dan perkhidmatan.

NOTA 1. Pilihan untuk menyatakan risiko boleh termasuk mengelakkan risiko, mengambil risiko untuk mengejar peluang, menghapuskan punca risiko, mengubah kemungkinan atau akibat, berkongsi risiko, atau mengekalkan risiko berdasarkan keputusan bermaklumat.

NOTA 2. Peluang boleh membawa kepada penerimagunaan amalan baharu, pelancaran produk baharu, pembukaan pasaran baharu, menangani pelanggan baharu, membina perkongsian, menggunakan teknologi baharu, dan kemungkinan lain yang diingini dan berdaya maju bagi menangani keperluan organisasi atau pelanggannya.




**Penilaian 2 kali setahun**

# FOKUS PELAPORAN

1. **Isu dalaman dan luaran** bagi risiko operasi tahun 2019

2. **Penilaian Risiko Sukuan Kedua** tahun 2019 (Q2/2019)

3. **Penilaian Risiko operasi ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada bidang utama KPI Universiti:**
   - Akademik & Antarabangsa
   - Penyelidikan & Inovasi
   - Hal Ehwal Pelajar
   - Jaringan Industri dan Masyarakat
   - Sumber Manusia
   - Pengurusan Kewangan & Aset
   - Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT
   - Pertanian

4. **Kawalan tindak balas** ke atas risiko









# 1 Isu dalaman dan luaran bagi risiko operasi tahun 2019

**Penyataan Isu**

**508**

Jumlah pernyataan isu keseluruhan PTJ




Klasifikasi Penyataan Isu

| Fakulti | Sekolah | Akademi |
|---|---|---|
| 113 | 11 | 2 |
| **Institut** | **Pusat** | **Pejabat** |
| 77 | 104 | 38 |
| **Bahagian** | **Kolej** | **Perkhidmatan** |
| 25 | 102 | 36 |

Jumlah isu mengikut kategori PTJ

# 2 Penilaian Risiko Sukuan Kedua tahun 2019 (Q2/2019)

**Penilaian Risiko**

Penilaian Risiko Berkala

1. Penyataan | 2. Penilaian - Q2 | 3. Penilaian - Q4




## 2. Penilaian - Q2

Matrik: Bil. Isu & Tahap Risiko

Matrik : Bil. Isu & Tahap Risiko

| Risiko | | Kemungkinan 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Keterukan | 1 | 25 | 11 | 8 | 22 | |
| | 2 | 25 | 94 | 19 | 3 | |
| | 3 | 15 | 17 | 29 | 14 | 3 |
| | 4 | 10 | 9 | 9 | 10 | |
| | 5 | 6 | 1 | 3 | 1 | 4 |

**<u>Tahap Penilaian Risiko Q2/2019</u>**

**338 pernyataan isu telah dibuat penilaian risiko dan 170 belum dinilai (akan dinilai pada Q4/2019)**

# LAPORAN PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS

## Tahap Penilaian Risiko Q2/2019 mengikut Kumpulan PTJ

**(Fakulti, Sekolah, Akademi, Institut, Pusat, Pejabat, Bahagian, Kolej dan Perkhidmatan)**




**Penilaian risiko dibuat bagi setiap PTJ (81 PTJ) mengambil kira setiap PTJ mempunyai tindakan berbeza (kawalan sedia ada untuk mengawal isu dan strategi tindakan untuk menangani risiko tinggi dan sederhana) walaupun terdapat pernyataan isu yang sama di antara PTJ.**

# 3 Penilaian Risiko operasi ke atas pernyataan isu yang memberi kesan kepada bidang utama KPI Universiti:




**210 Tahap Risiko Rendah**

**338 pernyataan isu**




**21 Tahap Risiko Tinggi**

**Bidang Utama KPI:**
1. Akademik & Antarabangsa
2. Penyelidikan & Inovasi
3. Hal Ehwal Pelajar
4. Jaringan Industri dan Masyarakat
5. Sumber Manusia
6. Pengurusan Kewangan & Aset
7. Perkhidmatan Perpustakaan dan ICT
8. Pertanian




**115 Tahap Risiko Sederhana**

## 4 Kawalan tindak balas ke atas risiko Q2/2019




**Kawalan tindak balas ke atas risiko terhadap 338 pernyataan isu (Tolak Ansur, Rawat, Pindah, Hapus)**

**Jadual 12** Kaedah *4Ts* untuk kawalan tindak balas ke atas risiko

| Bil. | Kaedah Kawalan | Penerangan |
|---|---|---|
| 1. | Tolak ansur *(Tolerate)* | Risiko yang boleh diterima oleh universiti tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawal secara efisien menggunakan sistem kawalan yang sedia ada. |
| 2. | Rawat *(Treat)* | Risiko yang boleh dirawat oleh universiti dengan menggunakan sumber sedia ada. Kombinasi hirarki kawalan adalah sesuai diamalkan bagi memastikan kadar risiko adalah sentiasa terkawal. |
| 3. | Pindah *(Transfer)* | Risiko yang boleh ditanggung oleh pihak lain selain universiti. Pilihan ini adalah baik bagi mengawal risiko berkaitan kewangan dan aset. Contoh: pengambilan insurans. |
| 4. | Hapus *(Terminate)* | Risiko yang tidak boleh lagi di tanggung oleh universiti secara berterusan mestilah dihapuskan. Universiti telah pun cuba menangani isu risiko ini dengan kaedah kawalan yang lain tetapi masih tidak berjaya. |

Rujuk: Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM (m/s:45)

# LAPORAN PENILAIAN RISIKO OPERASI QMS

SIRIM Quality Award

## Tindakan PTJ keatas kawalan risiko:

| Bil. Kaedah Kawalan | Tindakan |
|---|---|
| 1. Tolak ansur *(Tolerate)* | **Pantau kawalan sedia ada/strategi tindakan (Bagi risiko Rendah, pantau secara berterusan 2 tahun dan akan digugurkan selepas tempoh 2 tahun sekiranya kekal tahap risiko Rendah)** |
| 2. Rawat *(Treat)* | **Pantau kawalan sedia ada/strategi tindakan (tukar strategi tindakan sekiranya tahap risiko kekal Sederhana atau Tinggi)** |
| 3. Pindah *(Transfer)* | **Majukan surat kepada PTJ yang dikongsi/pindah atau bincang**<br>Bagi keputusan pindah:<br>i. PTJ pemindah - Majukan surat kepada PTJ yang menerima<br>- keluarkan isu tersebut daripada senarai Pengurusan Risiko PTJ.<br>ii. PTJ penerima – masukkan isu tersebut daripada senarai Pengurusan Risiko PTJ & laksana dan pantau pengurusan risiko |
| 4. Hapus *(Terminate)* | **Keluarkan isu tersebut daripada senarai Pengurusan Risiko PTJ (Isu kekal setahun, dikeluarkan pada tahun berikutnya)** |
| 5. Belum nilai | **Rekod & pantau masa/tempoh penilaian** |

Rujuk Agenda Mesyuarat JK Kualiti ke-42, Agenda 4.2

# SYOR

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-45 diminta mengambil makluman dan tindakan berhubung:

1. Jumlah **isu dalaman dan luaran UPM pada tahun 2019** adalah sebanyak **508** iaitu **391 isu dalaman** dan **117 isu luaran**;

2. **Penilaian Risiko Operasi Sukuan kedua tahun 2019** (Q2/2019) UPM adalah sebanyak **6% tahap risiko Tinggi**, **32% risiko Sederhana** dan **62% risiko Rendah**;

3. Penilaian Risiko Operasi ke atas **338 pernyataan isu** yang **memberi kesan kepada 8 bidang utama KPI Universiti** ;

4. **Kawalan tindak balas ke atas risiko** operasi Q2/2019 bagi **338 pernyataan isu yang dinilai** dan **meminta PTJ melaksanakan kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih** bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal.